

(KERTAS : /2021)



**KERTAS PENILAIAN UNTUK PERTIMBANGAN
JAWATANKUASA SEBUT HARGA 'B'**

TAJUK:

**PERKHIDMATAN MEMBEKALKAN PLATFORM GARIS PANDUAN PELESENAN
PERNIAGAAN SELAMA SETAHUN BAGI TEMPOH OKTOBER 2021 SEHINGGA
SEPTEMBER 2022**



LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA

TAJUK

PERKHIDMATAN MEMBEKALKAN PLATFORM GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN SELAMA SETAHUN BAGI TEMPOH OKTOBER 2021 SEHINGGA SEPTEMBER 2022

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan laporan ini adalah bagi mendapatkan pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga B untuk melantik pembekal bagi Perkhidmatan Membekalkan Platform Garis Panduan Pelesenan Perniagaan selama setahun bagi tempoh Oktober 2021 sehingga September 2022.

2.0 LATAR BELAKANG PROGRAM

- 2.1 MPC melalui mandat yang diterima oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) telah menjalankan Projek Penambahbaikan Ketelusan Pelesenan Perniagaan MPC di bawah Inisiatif 2.1.6 NACP (*National Anti-Corruption Plan*) Membentuk Mekanisma yang Kukuh dan Efektif dalam Proses Pengeluaran Permit dan Lesen.
- 2.2 Melalui projek ini, MPC diberi tanggungjawab untuk memastikan semua kementerian/ agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan permit dan lesen untuk menerbitkan Garis Panduan Permohonan Lesen yang akan dipaparkan secara dalam talian untuk makluman umum. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2020 yang mana ia menumpukan garis panduan pelesenan perniagaan di peringkat Persekutuan dan diikuti oleh peringkat negeri dan kerajaan tempatan (tahun 2021-2023)
- 2.3 Atas dasar ini, selaras dengan usaha untuk menyokong Inisiatif 2.1.6 NACP ini dalam memastikan Proses Pengeluaran Permit dan Lesen lebih cekap dan berkesan, MPC bercadang untuk membangunkan satu platform garis panduan yang akan mengumpulkan semua garis panduan pelesenan perniagaan termasuk maklumat-maklumat yang berkaitan secara berpusat untuk dijadikan rujukan umum khususnya komuniti perniagaan.

- 2.4 Hasrat ini telah dibincangkan bersama pemilik program iaitu Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) sempena kunjungan hormat KP MPC dengan Pejabat KP GIACC pada 19 Julai 2021 lalu yang mana secara prinsip pihak GIACC bersetuju dengan cadangan MPC tersebut
- 2.5 Sistem ini dijangka dapat membantu MPC khususnya dalam mencipta *synergy* dalam perkongsian maklumat pelesenan perniagaan yang mana masa pencarian maklumat pelesenan perniagaan lebih mudah dan cepat. Selain itu kos pematuhan peraturan juga dapat dijimatkan dan pengawalseliaan peraturan akan lebih produktif dengan menghasilkan perkhidmatan awam yang lebih berkualiti dan cepat
- 2.6 Projek ini akan menggunakan bajet Pembangunan (FORE- Membentuk Ekosistem Peraturan Perniagaan yang Teguh) yang telah diluluskan pada 30 April 2021 (Keratan minit BOM Bil. 499/2021).
- 2.7 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) MPC Bil. 3/2021 bertarikh 9 Ogos 2021 telah meluluskan permohonan projek ini.

3.0 KAEDAH PENILAIAN TAWARAN

- 3.1 Jawatankuasa Penilaian Harga untuk laporan ini adalah terdiri daripada:
 - a) En Khidzir Ahmad – Pengerusi
 - b) Pn Haslizayanti Othman – Ahli
 - c) Pn Cham Yin Hwa – Ahli
- 3.2 Sebanyak 3 sebut harga telah dinilai berdasarkan dokumen sebut harga yang dikemukakan di mana 3 kriteria utama telah digunakan bagi meneliti tawaran perkhidmatan iaitu:
 - (a) Kriteria 1: Memenuhi spesifikasi teknikal
 - (b) Kriteria 2: Harga yang ditawarkan terendah
 - (c) Kriteria 3: Pengalaman dalam bidang IT

4.0 PENILAIAN SEBUT HARGA

- 4.1 Sejumlah 3 pembekal telah dihubungi dan mengemukakan sebut harga. Jawatankuasa telah meneliti dan menganalisa kesemua sebut harga yang disediakan oleh pihak pembekal.

Jadual 1: Matriks Analisa Harga

SPESIFIKASI TEKNIKAL		PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1.	Modifikasi dan konfigurasi berikut: 1. <i>User login</i> oleh Admin dan User 2. Platform/ <i>features</i> ; - <i>Data entry</i> (termasuk kemaskini) - <i>User Interface</i> - <i>Upload content data (File attachment</i> – eg. data GP dlm pdf format) - Ciri 'hit counter' dan 'statistic counter' 3. Pengujian sistem oleh pengguna (UAT) 4. Langganan <i>Hosting</i> Portal 5. Langganan domain name 6. Dokumentasi <i>User Manual</i> 7. Latihan pentadbir sistem 8. Sokongan teknikal dan jaminan 9. Penyelenggaraan	33,700	35,000	28,000
2.	<i>Subscription</i> untuk 1 tahun			
Jumlah Harga yang ditawarkan (RM)		33,700	35,000	28,000

4.2 Berdasarkan jadual matriks harga tersebut, harga tawaran terendah ialah RM28,000.00 dan harga tertinggi adalah RM35,000.00.

4.3 Kriteria pemilihan pembekal adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Matriks Analisa

KRITERIA		PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1.	Memenuhi Spesifikasi teknikal	3	3	3
2.	Harga ditawarkan	2	1	3
3.	Pengalaman dalam bidang IT	2	2	3
JUMLAH KESELURUHAN		7	6	9

Nota Spesifikasi Kriteria1,3:

0 = Tiada rekod/ tidak menepati keperluan

1 = Tidak memenuhi spesifikasi

2 = Sederhana

3 = Memenuhi spesifikasi


Nota Spesifikasi Kriteria 2 : 0 – 3 = Harga terendah dengan markah tertinggi dan sebaliknya

- 4.4 Berdasarkan jadual matriks analisa, skor terendah adalah penyebut harga 2/3 dan skor tertinggi adalah penyebut harga 3/3

5.0 KEPUTUSAN DAN SYOR

- 5.1 Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan penyebut harga 3/3 dilantik bagi PERKHIDMATAN MEMBEKALKAN PLATFORM GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN SELAMA SETAHUN BAGI TEMPOH OKTOBER 2021 SEHINGGA SEPTEMBER 2022 berdasarkan justifikasi seperti yang dinyatakan.

Disediakan oleh:




(Mohd Hilmi Mohd Idris)

Pengurus

NCS/PCD

Tarikh : 12/08/2021

Disahkan oleh :



(Mohamad Azrol Md Dali)

Timbalan Pengarah

NCS/PCD

Tarikh : 12/08/2021

DISYORKAN OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Disyorkan:	Disyorkan:	Disyorkan:
		
Nama: En Khidzir Ahmad Pengerusi JPH Tarikh: 12/08/2020	Nama: Pn Haslizayanti Othman Ahli JPH Tarikh: 12/08/2020	Nama: Pn Cham Yin Hwa Ahli JPH Tarikh: 12/08/2020
Komen/ cadangan: Disyorkan untuk Kelulusan	Komen/ cadangan:	Komen/ cadangan: